



## جابتني أقسام إسلام قيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi  
Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(76)

Tarikh: 12 Safar 1447H  
6 Ogos 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

### HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	8 Ogos 2025 / 14 Safar 1447
Tajuk	Pengurusan Pusaka: Uruskan Segera – Elakkan Sengketa

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)**

Pengarah  
Jabatan Agama Islam Perak

s.k      Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**

**KEPADA PENGERUSI JAWATANKUASA KARIAH / KHATIB / IMAM BERTUGAS**

**PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 8 OGOS 2025**

**PERKARA: “PROGRAM MESRA HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK SIRI 6/2025”**

---

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Sidang Jemaah yang dimuliakan

Di sini ada satu pengumuman, iaitu Kerajaan Negeri Perak menjemput Jemaah sekalian hadir beramai-ramai ke Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan yang akan berlangsung seperti ketetapan berikut :

**Tarikh:** 11 Ogos 2025 ( Isnin )

**Jam:** 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

**Tempat:** Dewan MPTI Langkap, Daerah Hilir Perak

Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan memberi peluang kepada Jemaah sekalian untuk:

- Berinteraksi terus dengan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan
- Mengemukakan pandangan, cadangan dan masalah anda
- Mendapatkan pelbagai perkhidmatan di bawah satu bumbung

Antara pengisian menarik yang disediakan:

- ◆ Jualan Murah & Rahmah
- ◆ Kaunter bergerak Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak
- 👉 Semakan dan cetakan bil Cukai tanah
- 👉 Bayaran bil Cukai Tanah
- 👉 Kaunter informasi mengenai Cukai Tanah
- ◆ Kaunter bergerak JPJ Negeri Perak
- 👉 Pembaharuan lesen dan rodatax
- 👉 Semakan dan bayaran saman
- 👉 Masuk adalah PERCUMA!
- 👉 Jangan lepaskan peluang ini untuk Jemaah mendapatkan pelbagai kemudahan, perkhidmatan dan maklumat terkini.

Semoga Jemaah sekalian diberkati dan dipermudahkan urusan oleh Allah SWT dan



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "PENGURUSAN PUSAKA: URUSKAN SEGERA – ELAKKAN SENGKETA"

8 Ogos 2025 / 14 Safar 1447

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْمَالِكِ الْمُتَّقَصِّلٍ<sup>1</sup>، نَافِذِ الْحُكْمِ وَالْقَدْرِ، الْمُقْسِّمِ لِلأَرْزَاقِ وَالْأَعْمَارِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أَوْصِينُكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT. Sesungguhnya takwa menjadi benteng utama dalam kehidupan, takwa berupaya mengawal akal, hati, emosi dan tingkah laku agar sentiasa berada di landasan yang mendapat keredaan Ilahi. Khutbah hari ini ingin mengetuk pintu hati ummah pada perkara amat penting bertajuk: "PENGURUSAN PUSAKA: URUSKAN SEGERA - ELAKKAN SENGKETA"

Firman Allah SWT:

﴿تِلْكَ حُدُودُ اللّٰهِ وَمَنْ يُطِيعُ اللّٰهَ وَرَسُولَهُ وَيُدْخِلُهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ خَلِيلِهِ فِيهَا وَذَلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ﴾ (١٣)

Bermaksud: Itulah batas-batas Allah (hukum syariat yakni faraid). Sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul Nya, Allah akan memasukkannya ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai dan mereka kekal di dalamnya. Dan itulah kemenangan yang agung. (Surah An-Nisa ayat 13)

<sup>1</sup> Pujian kepada Allah SWT

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Sering kedengaran kisah perebutan harta pusaka dalam kalangan waris sebaik sahaja seseorang ahli keluarga menghembuskan nafas terakhir. Ada kalanya, belum pun jenazah disemadikan, bibit-bibit pertelingkahan telah bermula. Harta pusaka yang tidak diselesaikan akan membelenggu, semakin hari semakin rumit, berkemungkinan menjasakan silaturahim dan memecahbelahkan keluarga; sedangkan, pada asalnya pusaka itu amanah, bukan *ghanimah* yakni harta rampasan perang. Pusaka merupakan peluang untuk beroleh keberkatan, bukan perkara untuk menyebabkan pertelingkahan.

Pusaka boleh diuruskan melalui tiga kaedah; iaitu faraid, wasiat dan hibah.

**Pertama:** Kaedah faraid. Menurut Ulama' Mufasirin, ayat mengenai faraid telah diturunkan pada tahun ketiga hijrah, selepas peperangan Uhud. Mukjizat Al-Quran jelas terserlah melalui beberapa ayat meliputi keseluruhan pembahagian faraid lengkap dan dikenali sebagai ayat *Muhkamat*, kerana tiada khilaf pada memahami maknanya. Firman Allah SWT:

﴿يُوصِيهِ كُلُّ مُؤْمِنٍ لِّذَكْرِ أُولَئِكَ مُثُلُ حَظِّ الْأَنْتَيْرِينَ...﴾

Bermaksud: Allah memerintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, (iaitu) bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak Perempuan...  
(An-Nisa' ayat 11)

Ayat 11, surah *An-Nisa'* memberi penjelasan pembahagian faraid sebagai satu kaedah pembahagian pusaka yang ditetapkan oleh Ilahi; panduan pembahagian harta pusaka secara adil dan saksama, yang dihasilkan bukan melalui musyawarah manusia dan bukan juga berdasarkan keputusan para hakim, tetapi hukum berlandaskan ketetapan Ilahi yang tidak boleh dipersoalkan atau dicabar dengan logik keterbatasan akal manusia.

**Kedua,** Harta pusaka, boleh dibuat pembahagian melalui wasiat yang dilakukan oleh pemilik harta. Wasiat ialah pemberian harta kepada seseorang yang dikaitkan dengan kematian pemberi. Namun, wasiat mempunyai syarat yang ditetapkan syariat, iaitu tidak boleh diwasiatkan melebihi satu per tiga daripada harta,



dan wasiat harta tidak boleh diberikan kepada waris yang mempunyai bahagian faraid seperti isteri, anak dan ibu bapa melainkan mendapat persetujuan waris selepas kematian pemberi wasiat.

**Ketiga:** Melaksanakan hibah harta semasa hidup. Hibah adalah pemberian harta secara sukarela kepada orang lain, dilakukan oleh pemilik harta semasa beliau masih hidup. Hibah boleh diberikan kepada sesiapa sahaja dengan syarat dilakukan secara adil serta menepati syariat dan undang-undang.

### **Jemaah yang dilimpahifadilat Ilahi,**

Masalah pengurusan harta pusaka lazimnya berpunca daripada tiga perkara:

**Pertama:** Kecuaian menyegerakan pembahagian pusaka. Banyak keluarga membiarkan harta si mati tergantung tanpa ditadbir, dengan alasan ‘kubur masih merah’ dan dengan niat untuk menjaga keharmonian dalam kalangan waris. Perbuatan melengahkan urusan pembahagian pusaka orang yang telah meninggal dunia, boleh menjadi benih persengketaan. Akibatnya, ada harta pusaka digunakan tanpa keizinan waris yang lain, atau lebih buruk lagi, harta terbiar tanpa dapat dimanfaatkan.

Akhbar Sinar Harian bertarikh 27 Februari 2025 melaporkan, harta pusaka bernilai sembilan puluh bilion ringgit dibekukan kerana tidak dapat diselesaikan urusan pembahagiannya. Sembilan puluh peratus daripada jumlah harta pusaka yang dibekukan itu, ialah milik umat Islam.

**Kedua:** Sifat tamak dan perbuatan menipu dalam mengurus pembahagian harta pusaka apabila terdapat waris yang mengambil kesempatan menguasai harta secara tidak sah, lantas menafikan hak saudara sendiri; perbuatan yang bukan sahaja tidak adil malah berunsur kezaliman, bahkan satu bentuk pencurian yang akan dipersoalkan di akhirat kelak.

عَنْ سَعِيدِ بْنِ زَيْدِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ مَنِ اقْتَطَعَ شِبْرًا  
مِنَ الْأَرْضِ ظُلْمًا، طَوَّفَهُ اللَّهُ إِيَّاهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ سَبْعِ أَرْضِينَ



Bermaksud: Daripada Sa'id bin Zaid Radiallahuanhu, beliau berkata: "Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang merampas sebuah tanah secara zalim, maka Allah akan mengalungkan dia dengannya dari tujuh lapis bumi pada hari kiamat." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

**Ketiga:** Kejahilan. Apabila masyarakat tidak faham kaedah pengurusan harta pusaka dan tidak tahu proses yang sah di sisi undang-undang syariah, lalu menyerahkan urusan penting ini kepada orang yang tidak berpengetahuan. Akibatnya harta tidak dapat diuruskan dengan baik dan tepat.

### **Sidang Jemaah yang dihormati,**

Dalam mengurus harta pusaka, mimbar menasihatkan enam perkara berikut;

**Pertama:** Pengurusan pusaka sangat penting dan tidak boleh dianggap remeh kerana kegagalan menguruskannya secara cepat dan betul, boleh memberi kesan langsung kepada keharmonian keluarga di samping membazirkan sumber ekonomi untuk dapat digunakan secara produktif.

**Kedua:** Pengurusan pusaka hendaklah disegerakan. Melewatkan pembahagian pusaka menyebabkan banyak kesulitan, menjadi bertambah rumit apabila ada dalam kalangan waris, menyusul meninggal dunia sebelum pembahagian pusaka dapat diselesaikan.

**Ketiga:** Waris yang menguruskan pusaka hendaklah menunaikan hak waris-waris lain secara telus – secara amanah, tanpa bertangguh dan tanpa melakukan tipu helah. Sesiapa yang dinamakan sebagai *wasi* (وَاصِي) yakni pemegang amanah harta, penuhi amanah dengan adil lagi saksama.

**Keempat:** Pembahagian pusaka dengan persetujuan bersama diharuskan dengan syarat mendapat persetujuan semua waris tanpa paksaan atau kekaburan. Pembahagian faraid hendaklah dibuat terlebih dahulu sehingga waris maklum bahagian masing-masing, barulah diminta persetujuan jika ingin membuat pembahagian secara sama rata atau seumpamanya.



**Kelima:** Berwasiat lah mengikut syariat. Pastikan wasiat diurus secara jelas melalui dokumen yang sah berlandaskan undang-undang dengan memilih peguam, perancang harta tanah atau organisasi pengurusan harta pusaka yang boleh dipercayai dan diiktiraf.

**Keenam:** Proses hibah boleh dijadikan pilihan untuk pengurusan harta sebelum kematian.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَأَسْتَغْفِرُهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آئِلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَآلَّهَا الْذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْأَفْوَى بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّتْهُمْ عَلَى مَلَةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>7</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin** bimbing kami untuk menguruskan harta secara berhikmah sama ada ketika kami masih hidup atau harta yang ditinggalkan oleh ahli keluarga kami. Tautkan hubungan persaudaraan sesama ahli keluarga kami dan jauhi kami dari bertelingkah atau memutuskan hubungan kekeluargaan hanya disebabkan harta yang ditinggalkan.

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا مَا لَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ**  
**عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ**  
**وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ** ﴿٤٦﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
**نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.**